



Submission date: 04/06/2019

Accepted date: 02/09/2019

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI MELALUI PENDEKATAN *TADZAKKUR*

High Order Thinking Skills through Tadzakkur Approach

Tengku Nor Husna binti Tengku Jamil, Hasanah binti Abd Khafidz and
Khazri Osman
Universiti Kebangsaan Malaysia

tghusna@yahoo.com, hasanah@ukm.edu.my, khazri@ukm.edu.my

Abstrak

Memiliki kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) bagi guru dan pelajar hari ini adalah satu keperluan. Namun aplikasi KBAT sering merujuk kepada pandangan dunia barat. Walau bagaimanapun kajian telah menunjukkan beberapa elemen yang terdapat dalam al-Quran yang boleh membawa kepada pendekatan KBAT dan salah satunya adalah *tadzakkur*. *Tadzakkur* adalah elemen yang sangat rapat dan dekat dengan guru Pendidikan Islam (GPI) serta menjadi amalan dalam pengajaran GPI. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk memperkenalkan pendekatan *tadzakkur* yang perlu ditabiatkan oleh guru-guru khususnya GPI. Menggunakan kajian kualitatif melalui pendekatan analisis dokumen, beberapa kertas kerja, artikel dan buku akan dianalisis. Hasil kajian menunjukkan pendekatan *tadzakkur* adalah pendekatan yang sangat relevan dan sesuai serta perlu dilaksanakan secara bersungguh-sungguh oleh GPI bagi melahirkan generasi rabbani dan *ta'dib*.

Kata Kunci: kemahiran berfikir aras tinggi, *tadzakkur*, guru pendidikan Islam.

Abstract

Higher order thinking skills (HOTS) is a necessity for teachers and students today. But, HOTS applications often referred to the western worldview. However, studies had shown some elements found in the Qur'an that can lead to the HOTS approach and one of them is *tadzakkur*. *Tadzakkur* is a very proximate element to an Islamic Education teacher (IET) and becomes a practice in IET's teaching. Therefore, the main objective of this study is to introduce a *tadzakkur* approach which should be addressed by the teachers especially IETs. Using a qualitative method through

document analysis, some papers, articles and books were analysed. The findings showed that *tadzakkur* approach is a very relevant and appropriate approach and must be implemented seriously by IETs to produce the *rabbani* and *ta'dib* generation.

Keywords: higher order thinking skills, *tadzakkur*, Islamic Education Teacher

PENGENALAN

Kajian ini membincangkan tentang pendekatan-pendekatan *tadzakkur* bagi merangsang kemahiran berfikir aras tinggi dalam diri pelajar. Pendekatan *tadzakkur* yang akan dibincangkan adalah mengikut kesesuaian pelajar pra sekolah dan sekolah rendah yang berumur 5 hingga 12 tahun. Pendekatan *tadzakkur* yang akan dikenalpasti adalah berdasarkan yang termaktub di dalam al-Quran dan disesuaikan dengan kehendak dan keperluan KBAT. Selain daripada itu juga kajian ini melibatkan pandangan tokoh Islam seperti Yusuf Qaradhawi dan al-*Bayanuni* dalam mengaitkan pendekatan *tadzakkur* dalam kehidupan sehari-hari bagi melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi. Pengintegrasian ilmu *naqli* dan *aqli* ini diharap dapat membuka minda guru-guru Pendidikan Islam khususnya dalam menggunakan pendekatan ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

DOMAIN, ELEMEN DAN KOMPONEN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, domain ialah lapangan atau bidang seperti kegiatan, pemikiran dan pengetahuan. Manakala elemen ialah anasir atau sesuatu yang menjadi bahagian dalam sesuatu keseluruhan unsur dan komponen ialah bahagian yang menjadikan sesuatu lebih lengkap atau sempurna atau bahagian daripada sesuatu yang lebih besar. Tahap kognitif aras tinggi berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Semula (2001) merangkumi empat domain kognitif iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Tuan Rahayu, Mohd Aderi, & Mohd Isa, 2017). Keempat-empat domain kognitif ini memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi. Manakala elemen KBAT pula ialah pendekatan-pendekatan KBAT yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk merangsang pelajar berfikir secara KBAT seperti menaakul, inkuiri, soal jawab, penyelesaian masalah dan kreativiti sebagaimana yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Suhadi et al., 2014). Walau bagaimanapun merujuk kepada tulisan Nursafra (2017) yang membincangkan tentang komponen KBAT adalah lebih luas lagi bahawa pemikiran aras tinggi adalah mentafsir, menganalisis, memanipulasi maklumat, menyelesaikan masalah, kritis, kreatif, membuat keputusan, reflektif, inkuiri, praktikal dan analitik.

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) adalah satu kemahiran yang diperkenalkan oleh Bloom (1956) melalui taksonomi Bloom dalam sistem pendidikan negara. Namun domain Bloom yang pada awalnya adalah pengetahuan, kefahaman dan aplikasi yang berada pada tahap pemikiran aras rendah manakala analisis, sintesis dan penilaian berada pada pemikiran aras tinggi telah ditambah baik oleh Anderson (2001) kepada mengingat dan memahami berada pada tahap pemikiran aras rendah dan mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta berada pada pemikiran aras tinggi. Merujuk kepada kepentingan KBAT pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif mengembangkan domain KBAT kepada ilmu, amalan, iltizam, penghayatan dan pentabiatan khusus kepada mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah dalam merangka kurikulum baru yang diperkenalkan iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan seterusnya kepada Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Berdasarkan kajian, terdapat pengkaji yang telah membincangkan KBAT menurut perspektif al-Quran. Menurut Norfadelah dan Ahmad Tijani (2015) lima pemikiran kritis yang terkandung dalam al-Quran iaitu *tadabbur* (Surah al-Nisa'4;82), *tafakkur* (Surah al-Ra'd 13;3), *tafqih* (Surah al-A'raf 7;179), *taaqil* (Surah al-Baqarah 2;44) dan *tadzakkur* (al-Imran 3;190-191). Menurut Nursafra (2017) pemikiran kritis adalah sama dengan pemikiran aras tinggi (Sternberg & Spear Swerling (1996). Jamāl Badī dan Muṣṭapha Tajdīn (2004) juga telah membincangkan tentang aspek *tafakkur* dan perkataan yang seumpama dengan *tafakkur* yang terangkum dalam pemikiran secara kreatif. Menurut Nursafra lagi yang telah membincangkan komponen KBAT secara tuntas ini bersetuju menyatakan bahawa kreatif juga adalah elemen KBAT sebagaimana yang dinyatakan juga oleh Mulnix (2012), Geertsen (2003), Sternberg & Spear Swerling (1996) dan Lewis & Smith (1993). Perkataan-perkataan lain yang diketengahkan oleh Jamal Badi yang terangkum dalam kemahiran berfikir kreatif ialah *tadabbur*, *tafqih*, *taaqil*, *tadzakkur*, *nazar* dan *tabassur*. Muklis (2018) dalam membincangkan strategi dakwah al-Bayanuni turut meletakkan beberapa perkataan tertentu yang terkandung dalam kitab *Madkhāl Ila Da'wah* (Muhammad Abu al-Fatah al Bayanuni, 1995) seiring dengan strategi manhaj *aqli* iaitu *tafakkur*, *tadzakkur*, *nazar*, *taammul*, *tadabbur* dan *istibshar*.

KONSEP TADZAKKUR

Tadzakkur adalah dari kata dasar *dzakara* yang bererti mengingat (Mohammad Ismail 2014). Menurut Kamus *Marbawi* *tadzakkur* adalah proses mengulang untuk memelihara atau menjaga ilmu. Proses tersebut boleh berlaku dalam bentuk mengingat, menyebut, mengenang, mengucap, memuji, membesarakan, memikir, memujuk memberi peringatan, pelajaran, peringatan, masyhur, sebutan, ingatan, kemuliaan, sembahyang, doa yang disebut dan sebagainya. Lawan perkataan *dzikr*

adalah *nisyam* yang bermakna lupa. *Nisyam* adalah insan yang diambil daripada perkataan Bahasa Arab *nasiya* yang bermaksud lupa. Menurut Zulkifli Aini (2015) insan akan diletakkan di tempat yang paling bawah, sama seperti haiwan apabila tidak memastikan kesempurnaan yang dikurniakan oleh Allah kepada mereka sebagaimana yang telah diamanahkan (Surah al-Tin ayat 4-6). Di atas ketidaksempurnaan manusia maka manusia perlukan pendekatan yang sesuai agar tidak tersasar dan sentiasa berada di jalan yang benar dan lurus. Oleh yang demikian kemahiran berfikir memainkan peranan yang penting. *Tadzakkur* adalah suatu ikatan manusia dengan pencipta-Nya melalui amalan yang dilakukan secara berulang.

Berdasarkan kajian *tadzakkur* adalah salah satu elemen kemahiran berfikir aras tinggi. Menurut Yusuf Qardhawi (1998) *tadzakkur* adalah salah satu tugas akal yang paling tinggi. Jika dilihat dari sudut mengingat yang diperkenalkan oleh Bloom dan di ubahsuai oleh Anderson mengingat adalah salah satu kemahiran berfikir yang berada pada aras rendah namun ia berbeza dengan *tadzakkur* yang diketengahkan oleh Yusuf Qardhawi merupakan elemen akal yang paling tinggi. Proses mengingat dan menghafal bukanlah sesuatu yang mudah. Keupayaan pelajar khususnya al-Quran sangat dipandang tinggi oleh masyarakat. Namun pelajar yang menghafal al-Quran juga sering diingatkan agar tidak menghilangkan bacaan yang telah dibaca. Untuk mengelakkan lupa dengan bacaan yang dihafal manusia juga digalakkan untuk mentadabbur al-Quran. Ini kerana melalui *tadabbur* akan berlaku *tadzakkur* (Asyafah, 2014). Oleh yang demikian dua elemen utama dalam proses *tadzakkur* adalah menghafal, mengingatkan semula dan dilakukan secara berulang. Menurut Sidek Baba (2009) akal manusia mempunyai tiga fungsi. Pertama, manusia boleh mengingat dan menghafal sesuatu. Kedua, akal membolehkan manusia berfikir mengenai sesuatu sama ada yang di lihat, dialami atau yang dikhayalkan. Ketiga, akal mempunyai daya taakulan yang membolehkan pertanyaan dibuat, jawapan diberi dan penyelesaian dilakukan.

TADZAKKUR MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Al-Quran telah menyebut perkataan *tadzakkur* dalam al-Quran sebanyak 292 kali (Quranic Scopus) dengan 14 derivasi iaitu 84 kali *dhakara*, 18 kali *dhukkira*, 51 kali *tadhakkara*, 1 kali *idzakara*, 1 kali *tadzkir*, 18 kali *dzakar*, 23 kali *dzikra*, 76 kali *dzikr*, 1 kali *dzakirat*, 2 kali *dzakirin*, 1 kali *madzkur*, 9 kali *tadzkirat*, 1 kali *mudzakkir* dan 6 kali *mudzdzakir*. Perkataan yang sinonim dengan *tadzakkur* yang digunakan dalam al-Quran memberi makna untuk mengingati, untuk disebutkan, untuk mengingatkan dan untuk menerima peringatan. Manakala menurut *Mu'jam al-Mufahras* yang dirujuk daripada Zainoriah Binti Kadri (2015) istilah-istilah *tadzakkur* dengan derivative dan bentuknya yang berlainan diulang sebanyak 285 kali dalam al-Quran. Ia digunakan dalam 61 bentuk derivasi yang berbeza

melibatkan *fī’l* dan juga *ism* yang berlainan. Perkataan ini juga wujud dalam ketiga-tiga *fī’l* iaitu *mādī*, *muḍārī’c* dan *amr*.

Penggunaan perkataan *tadzakkur* ini terkandung dalam al-Quran dengan pelbagai kalimah

Terjemahan: Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak **menyebut (mengingati)** Allah.

Al-Ahzab (33): 21

Terjemahan: Dan Kami adakan tutupan di atas hati mereka dan sumbatan di telinga mereka agar mereka tidak dapat memahaminya. Dan apabila kamu **menyebut** Tuhanmu saja dalam al-Quran, niscaya mereka berpaling ke belakang kerana kebencian.”

Al-’Isra’ (17): 46

Terjemahan: Dan mereka (yang diredhai Allah) yang apabila **diberi peringatan** dengan ayat-ayat keterangan Tuhan mereka, tidaklah mereka tunduk mendengarnya (seperti) orang-orang yang pekak dan buta.

Al-Furqan (25): 73

Perkataan *tadzakkur* adalah dari kata kerja *tadzakkara*, yang berasal dari kata kerja *dzakara* *yadzkuru*. Keduanya juga adalah sinonim, iaitu kata kerja *tadzakkara* dan *dzakara*. Beza antara keduanya ialah kata *tadzakkara* bermakna mengingat atau *to remember* atau *to recall*. Manakala kata *dzakara* pula bererti menyebut atau *to mention* atau *to refer to* (Zainorah Binti Kadri, 2015). Yusuf Qardhawi (1998) pula berpendapat bahawa seorang individu tidak dapat hidup sempurna tanpa *dzakirah* dan *tadzakkur*. Kedua-dua elemen ini memainkan peranan yang peranan yang penting dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. *Dzakirah* menurut *Mu’jam al-Arabi dzakira, yazkaru, zakaran* memberi erti mengingati dengan baik. Dalam memahami dan mengaplikasikan pendekatan *tadzakkur* tiga proses utama diperlukan iaitu mendengar, hati yang khusuk untuk memerhatikan dan akal untuk proses pemahaman (Yusuf Qardhawi).

PELAJAR KBAT MELALUI PENDEKATAN TADZAKKUR

Penggunaan istilah ini di dalam al-Quran menunjukkan maknanya yang pelbagai, iaitu menyebut, mengingat, memerhati, berfikir, mencela, menceritakan, mengambil pelajaran, memberi peringatan, al-Quran, wahyu, kebanggaan, zikir, sebutan,

ingatan, pelajaran, peringatan, cerita, orang-orang yang ingat, orang-orang yang berilmu pengetahuan, pemberi peringatan, dan pakar atau ahli. Ini memberi gambaran sifat versataliti pada kalimah ini dengan maksud yang berbagai dan penggunaannya yang meluas. Bagi tujuan perbincangan berkaitan pemikiran berfikir aras tinggi, hanya kalimah-kalimah yang mempunyai maksud seperti mengingati, berfikir, memberi peringatan, mengambil pelajaran atau pengajaran sahaja yang dipilih.

Menurut Yusuf Qardhawi (1998) terdapat empat ayat al-Quran, yang menggunakan perkataan *tadzakkur* seiring dengan *ulul albabs*. Yusuf Qardhawi mengutip dari tafsir *Nuzhmudh Dhurar* karya imam Al-Baq'a'i berkata: "*ulul albabs* adalah manusia atau individu yang mempunyai akal-akal yang bersih, serta pemahaman yang cemerlang yang terlepas dari semua ikatan fizik sehingga mampu menangkap ketinggian takwa dan ia pun menjaga ketakwaan itu". Dengan demikian, *ulul albabs* artinya orang yang memiliki otak berlapis-lapis. Ini sebenarnya membentuk arti kiasan tentang orang yang memiliki otak tajam (Aliyah, 2013). Bila kata *ulul* disatukan dengan kata *albab* mempunyai erti: yang memiliki sesuatu yang murni, akal yang bersih dari tercela, atau sesuatu yang cemerlang dari akal dan *qalbu*. *Ulul Albab*, suatu ungkapan Al-Quran tentang kaum intelektual beriman, berpandangan jauh dan bertanggungjawab, orang bijak (hikmah) yang mempunyai pemikiran yang mendalam. *Ulul Albab* adalah cendekiawan yang beriman bukan saja mereka yang berpengetahuan tapi juga mempunyai kebijakan dan kearifan dalam membaca fenomena masyarakat dan fenomena alam. (Aliyah 2013)

Yusof Qardhawi (1998) turut menyatakan bahawa dalam al-Quran telah disebut beberapa kali bahawa *tadzakkur* adalah salah satu sifat kaum *ulul-albab*. Ayat-ayat al-Quran tersebut ialah al-Baqarah ayat 269, al-Imran ayat 7, al-Ra'd ayat 19 dan al-Zumar ayat 9. Keempat-empat ayat ini menunjukkan bahawa individu yang mempunyai sifat *tadzakkur* adalah individu yang mengambil pelajaran daripada sesuatu perkara dan ia adalah antara sifat orang-orang yang berakal. Yusuf Qardhawi (1998) menuliskan bahawa *tafakkur* dan *tadzakkur* adalah berbeza. *Tafakkur* dihasilkan untuk menghasilkan pengetahuan yang baru, sedangkan *tadzakkur* dilaksanakan untuk mengingat kembali informasi dan pengetahuan yang telah diperoleh sebelumnya kemudian hilang sama ada disebabkan lupa atau lalai.

Menurut Imam Ghazali (1994) orang yang berfikir adalah *bertadzakkur* dan tidak semua orang yang *bertadzakkur* adalah berfikir. Manfaat *bertadzakkur* adalah mengulang kembali pengetahuan yang telah dimiliki dalam hati dan mengingat semula perkara yang telah dilupakan dan dilalaikan sehingga kekal dalam hati dan tidak hilang manakala berfikir pula adalah memperbanyak ilmu pengetahuan dan mencari ilmu yang belum dikuasai. Ini bermakna *tadzakkur* dan *tafakkur* adalah

berbeza antara satu sama lain (Ihya' Ulumuddin Kitab Tafakkur). Sehubungan dengan itu al-Ghazali (1994) menegaskan dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Muaz bin Jabal bahawa hadis ini adalah hadis *marfu'* menurut al-Ghazali (1994) mengenai mengajar dan belajar bahawa Rasulullah bersabda pelajarilah ilmu, maka mempelajarinya kerana Allah itu takwa, menuntutnya itu ibadah, mengulang-ulangnya itu tasbih, membahaskannya itu jihad, mengajarkan orang yang tidak tahu itu sedekah, dan memberikannya itu kepada ahlinya itu mendekatkan diri kepada tuhan.

Berdasarkan hujah yang dinyatakan ini menunjukkan bahawa *tadzakkur* memerlukan proses mengulang-ulang untuk mengukuhkan ingatan. Ilmu yang diketahui perlukan pengulangan sama telah dihafal, di fahami dan dikuasai namun proses pengulangan akan menjadikan ilmu itu kekal dalam ingatan. Kaedah atau pendekatan ini merupakan pengaplikasian kepada guru yang memerlukan untuk bercakap secara berulang-ulang kali kepada pelajar, sebagai contoh apabila menyuruh pelajar sembahyang, tidak memadai dengan hanya sekali arahan sahaja tetapi ianya perlu sentiasa diulang-ulang. Begitu juga apabila menyuruh mereka melakukan perkara-perkara yang lain seperti berkelalan baik, memahami perkara-perkara *sam'iyyat* dan memahami isi kandungan pengajaran. Pendekatan tikrar ini turut diakui keberkesanannya oleh para ilmuan yang tersohor di dalam menghasilkan pengetahuan (Ibn Khaldun, 2009). Selain itu, menurut (Ahmad Munawar, 2009; Norsaleha, Abd Halim & Salleh Amat, 2012) kesan daripada pengulangan sesuatu perkara akan meninggalkan pengaruh yang agak lama.

Penggunaan perkataan yang digunakan dalam pelbagai bentuk menunjukkan kepentingan *tadzakkur* dalam kehidupan. Melalui kajian ini dapat membuktikan bahawa teknik hafalan dan hafazan yang dilaksanakan di sekolah-sekolah sama ada sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia dan Pusat-pusat Tahfiz adalah sesuatu yang KBAT dan bukan proses mengingat yang berada pada tahap kemahiran berfikir aras rendah sebagaimana yang ditetapkan oleh Bloom. Antara aktiviti-aktiviti harian atau mingguan yang menjadi keutamaan pelajar ialah alunan zikir munajat, bacaan al Quran, bacaan *yassin*, solat berjemaah dan tazkirah dapat membantu membangunkan sahsiah diri pelajar untuk mereka lebih yakin dan tenang untuk berjaya dan isamping membentuk pengembangan personaliti dan akhlak mulia (Norsidah Ahmad & Kamarul Azmi Jasmi (2017).

Solat

Solat adalah ibadah khusus yang wajib dilaksanakan oleh setiap *muslim*. Melalui solat setiap *muslim* memperbaharui syahadah lima kali sehari. Islam telah menentukan beberapa perkara yang berkaitan solat merangkumi, solat fardu (wajib), solat berjemaah, dan solat sunat. Solat sunat yang sering dikaitkan dengan

kehidupan seorang pelajar adalah seperti solat sunat *rawatib*, solat *dhuha*, solat tahajud dan solat hajat. Setiap solat yang dilakukan mempunyai tingkat pahala yang berbeza. Melalui solat seseorang individu dapat menjaga hubungan baik dengan Allah seterusnya membentuk peribadi seorang *muslim* yang sejati serta mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan yang mungkar (Zainal & Wan Hassan, 2009). Solat juga sangat signifikan dalam membentuk kerohanian pelajar dan pencapaian akademik pelajar kerana amalan-amalan kerohanian pelajar lebih bermotivasi untuk belajar (Hamjah, Rozali, Rasit, & Ismail, 2012; Mohd. Suhardi bin Mat Jusoh, Shaik Abdullah bin Hassan Mydin, 2018; Norsidah Ahmad & Kamarul Azmi Jasmi, 2017).

Membaca Al-Quran

Tujuan dan matlamat pelajaran al-Quran dalam falsafah pendidikan Islam adalah agar masyarakat umumnya dan pelajar khususnya dapat membaca al-Quran dengan bacaan yang baik, betul dan tertib. Proses pembacaan al-Quran dengan adab dan cara yang betul boleh merangsang pelajar untuk mentadabbur al-Quran. Keupayaan menaakul ilmu yang dipelajari dari al-Quran akan melahirkan pelajar yang mempunyai kefahaman, amalan dan pembentukan akhlak murid sekali gus melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani(Rohizan Ya, Ab. Halim Tamuri, Mohd Musnizan Jaafar, Khairul Najah Abd Rahim, & Mohd Hishamuddin Abd Hamid, 2012). Pelajar juga lebih bermotivasi untuk belajar dan berusaha untuk memastikan kejayaan mereka bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi dalam kehidupan mereka (Hamjah et al., 2012; Mohd. Suhardi bin Mat Jusoh, Shaik Abdullah bin Hassan Mydin, 2018; Norsidah Ahmad & Kamarul Azmi Jasmi, 2017).

Zikir

Amalan zikir khususnya zikir munajat sering diaplikasikan di sekolah-sekolah. Menurut (Muthiah Ahmad, 2015) zikir adalah sebagai media komunikasi. Zikir merupakan suatu media komunikasi antara manusia dengan Allah yang dilaksanakan dengan integrasi lisan, hati dan perbuatan. Amalan yang dilakukan adalah tasbih, takbir dan tahmid. Sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Ghazali, mengulang-ulangnya adalah tasbih. Menurut Norsidah Ahmad & Kamarul Azmi Jasmi (2017) alunan zikir munajat adalah salah satu program yang boleh meningkatkan sahsiah pelajar. Peningkatan sahsiah membawa kepada peningkatan intelek. Keseimbangan pelajar dari sudut jasmani, emosi dan rohani serta intelek pelajar akan membawa kepada 6 aspirasi pelajar yang dituntut dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Doa

Doa adalah satu permohonan dari seorang hamba kepada penciptanya. Sebagai seorang hamba permohonan yang sering diulang-ulang adalah memohon petunjuk

dan pertolongan serta membuktikan kelemahan dan kefakiran seorang hamba kepada pencipta. Tanpa rasa dan kesungguhan ini, seorang hamba tidak akan merasa kerdil di depan penciptanya. Menurut Ibnu Kasir bahawa Allah SWT memberikan petunjuk kepada hambanya agar mereka berdoa memohon kepada-Nya untuk kebaikan urusan dunia dan akhirat mereka (Ahmad Yani Nasution 2018). Oleh yang demikian doa mestilah diucapkan dengan perasaan yang rendah diri, penuh harap, dan dengan suara yang lemah lembut (Ahmad Yani Nasution, 2018). Berdoa adalah aktiviti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah sebelum memulakan pelajaran dan pengajaran dan setelah selesai proses pengajaran dan pembelajaran(Nik Safiah Nik Abdullah, Selamah Maamor, Abdullah Abd Ghani & Elias, Mohd Shahril Ahmad Razimi, Ahmad Bashir Aziz, 2015). Dalam melahirkan generasi *ulul albab* pendekatan ini sangat ditekankan dalam aktiviti harian.

Tazkirah


Tazkirah juga boleh membangunkan sahsiah pelajar. Tazkirah mempunyai kaitan yang rapat dengan tarbiyah (Hadi, 2013). Dalam konteks kajian ini, guru-guru bertanggungjawab dalam menyampaikan tazkirah kepada pelajar. Pesanan dan ingatan perlu kepada pelajar agar pelajar sentiasa mendapat peringatan dan mengambil iktibar daripada tazkirah yang disampaikan. Aspek ini telah bincangkan dalam empat ayat al-Quran yang dibawa oleh Yusof Qaradhawi yang membincangkan bahawa *tadzakkur* lebih dekat untuk mengambil iktibar dan pengajaran (Yusuf Qardhawi, 1998).

Jadual 1: Pernyataan Umum Tahap Penguasaan Pendidikan Islam

Tahap Penguasaan	Tahap Kemahiran	Pernyataan Standard
1	ILMU	Murid dapat menguasai asas pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam setiap kandungan yang dipelajari mengikut keupayaan masing-masing.
2	AMALI	Murid dapat menjelaskan konsep atau menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai secara praktik dalam kandungan yang dipelajari mengikut keupayaan masing-masing.
3	AMALAN	Murid dapat menjelaskan dan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari mengikut keupayaan masing-masing dalam kehidupan harian.
4	ILTIZAM	Murid berkebolehan menghuraikan dan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari secara bersungguh-sungguh dan bertanggung jawab melaksanakannya dalam kehidupan harian.
5	PENGHAYATAN	Murid berkebolehan memberikan justifikasi serta istiqamah terhadap tindakan yang dilakukan dalam kehidupan harian berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari.
6	PENTABITAN	Murid berkebolehan merumuskan pengetahuan, mengaplikasikan kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari dalam bentuk perubahan tingkah laku serta memperkenalkan ciri-ciri kepimpinan sebagai seorang yang bertaqwa dan boleh dicontoh atau boleh membimbangi orang lain.

Sumber : DSKP Pendidikan Islam Tahun 6

Jadual di atas menunjukkan tahap penguasaan pelajar di peringkat sekolah rendah yang diambil daripada pelajaran Pendidikan Islam Tahun 6. Berdasarkan DSKP ini tahap kemahiran berfikir pelajar yang paling tinggi adalah apabila pelajar berkebolehan merumuskan pengetahuan, mengaplikasikan kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari dalam membentuk perubahan tingkah laku pelajar seterusnya mempamerkan ciri-ciri kepimpinan sebagai seorang yang bertakwa yang boleh dicontoh atau membimbing orang lain. Dalam erti kata lain pelajar bukan sahaja boleh membimbing orang lain tetapi berupaya mentabiatkan dalam kehidupan seharian dan menjadi contoh apabila orang lain melihatnya. Aspek *tadzakkur* sangat penting kerana KBAT yang dilahirkan bukan sahaja bersifat *zahiriah* tetapi datang dari *lahiriah* dan penuh dengan nilai-nilai kerohanian yang tinggi.



Carta 1 : Aplikasi Pendekatan *Tadzakkur* Bagi Melahirkan Pelajar KBAT

Carta menunjukkan implementasi pendekatan *tadzakkur* dan perlu dimurnikan dan disuburkan dari semasa ke semasa. Pendekatan ini memerlukan usaha dan keazaman pelajar di samping bimbingan dan semangat guru-guru khususnya guru Pendidikan Islam. Tanpa kerjasama dan komitmen dari semua pihak pendekatan ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pendekatan *tadzakkur* ini mempunyai signifikan dengan pembinaan kerohanian pelajar. Melalui hati yang suci kesan daripada pentabiatan solat fardu dan sunat, pembacaan al-Quran yang berterusan dan mengikut ketertiban, budaya zikir dalam menghadapi pelajaran, doa dan permohonan tanpa batasan kepada Allah dan tazkirah serta pesanan dan nasihat daripada guru secara berterusan akan melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi berasaskan elemen *tadzakkur* dan tahap penguasaan yang telah di sediakan oleh KPM.

RUJUKAN

- Ahmad Yani Nasution. (2018). Analisis Zikir dan doa bersama (Perspektif Empat Madzhab). *Jurnal Madani*, 1(1).
- Aliyah, S. (2013). Ulul Albab dalam tafsir Fi Zhilali al-Quran. *Jurnal Ilmu Agama*, 14(1), 115–150.
- Asyafah, A. (2014). The method of tadabur Qur'an: What Are the Student Views? *International Education Studies*, 7(6), 98–105. <http://doi.org/10.5539/ies.v7n6p98>
- Baba, S. (2009). *Fikir dan zikir* (Cetakan 1). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hadi, M. (2013). Hakikat Sistem pendidikan Islam. *Jurnal Tarbawiyah*, 10(2), 32–48. Retrieved from <http://e-journal.metrouniv.ac.id/index.php/tarbawiyah/article/view/345>
- Hamjah, S. H., Rozali, E. A., Rasit, R. M., & Ismail, Z. (2012). Perkaitan Amalan spiritual dengan pencapaian akademik pelajar. *Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*, 4(2), 51–60. <http://doi.org/10.1073/pnas.0703993104>
- Imam Abi Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, T. oleh P. T. H. I. Y. (1994). *Ihya' Uulumuddin Siri 3 Kelebihan Ilmu* (Cetakan 2). Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- Ismail, M. (2014). Konsep Berpikir dalam al-Qur'an dan implikasinya terhadap pendidikan akhlak, XIX(02), 291–312.
- Jamāl Badī dan Muṣṭapha Tajdīn. (2004). *Creative Thinking an Islamic perspective* (Pertama). Kuala Lumpur: IIUM.
- Lorin W. Anderson, David R. Krathwohl, Peter W. Airasian, Kathleen A. Cruikshank, Richard E. Mayer, Paul R. Pintrich, James Raths, M. C. W. (2001). *A Taxonomy for learning, teaching and assessing*. New York: Longman.
- Mohd. Suhardi bin Mat Jusoh, Shaik Abdullah bin Hassan Mydin, J. bin S. (2018). The Implementation of Tarbiyyah Program based on the Hostel Student Development Module (MPMA): A Study at the religious secondary schools (SMKA) in Penang. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(8), 375–385. <http://doi.org/10.6007/IJARBSS/v8-i8-0037>

i8/4475

- Muhammad Abu al-Fatah al Bayanuni. (1995). *Al-Madkhal ilaa 'ilmi al da'wah* (Cetakan Ke). Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Muklis. (2018). Strategi dakwah al Bayanuni (Analisis strategi Muhammad Abu Fatah Al Bayanuni dalam kitab *al Madkhal Ila ilmi dakwah*). *Islamic Comunication Journal Volume 03, Nomor 1, Januari-Juni 2018, 03*, 74–87.
- Muthiah Ahmad. (2015). Zikir sebagai media komunikasi. *Jurnal Dakwah Tabligh*, 16(1), 90–97.
- Nik Safiah Nik Abdullah, Selamah Maamor, Abdullah Abd Ghani, N. A., & Elias, Mohd Shahril Ahmad Razimi, Ahmad Bashir Aziz, N. H. (2015). Kepentingan elemen kerohanian dalam perlaksanaan aktiviti di MRSM Ulul Albab: Kajian kes di MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(2), 77–88.
- Nordin, N., & Surajudeen, A. T. (2015). Islamic Theoretical model for critical thinking in teaching and learning of Islamic education. *GSE E-Journal of Education*, 3, 34–44.
- Norsidah Ahmad & Kamarul Azmi Jasmi. (2017). Pelaksanaan program (Kecemerlangan pembangunan sahsiah sekolah - sekolah di Malaysia (Implementation of the program for excellence in development of character among the schools in Malaysia). *Internasional Journal of Religian Research in Education*, 1(2), 104–109.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Isa Hamzah, & Khadijah Abdul Razak. (2017). Elemen Pemikiran kritis dalam konteks kemahiran berfikir aras tinggi, 1(September), 92–101.
- Rohizan Ya, Ab. Halim Tamuri, Mohd Musnizan Jaafar, Khairul Najah Abd Rahim, & Mohd Hishamuddin Abd Hamid. (2012). Peranan guru pendidikan Islam menerusi falsafah pendidikan Islam dalam membentuk kemenjadian individu murid yang berakh�ak. *Jurnal IPG Kampus Pendidikan Islam*, 1–17.
- Suhadi, S. M., Aris, B., Mohammed, H., Zaid, N. M., Abdullah, D. Z., Kunci:, K., Sokratik, K. (2014). Penguasaan Pelajar dalam kemahiran berfikir aras tinggi dengan pembelajaran kaedah Sokratik. *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik*, 11–13.
- Tuan Rahayu, T. L., Mohd Aderi, C. N., & Mohd Isa, H. (2017). Pengetahuan , sikap dan kesediaan murid terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Tasawwur Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(1), 15–28.
- Yusuf Qardhawi. (1998). *Al-Quran berbicara tentang akal dan ilmu pengetahuan* (Pertama). Jakarta: Gema Insani Press.
- Zainal, K., & Wan Hassan, W. Z. (2009). Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah : Satu Kajian kes. *Journal of Islamic And Arabic Education 1 (2), 2009 1-14*, 1(2), 1–14.

- Zainorah Binti Kadri. (2015). *Elemen pemikiran kritis menurut perspektif al-Quran : Kajian surah al-Rum*. UM.
- Zulkefli Aini, S. S. S. (2015). Hubungan antara pendakwah dengan mad`u dalam komunikasi insan. *Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan Anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Batu Pahat Pada 9-10 April 2014 Di Dewan Tunku Ismail UTHM*, (April 2014).